



**1. KETUA PASUKAN / PERCUBAAN
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pekerja Kesihatan Luar / Pemungut Serangga / Tukang Pancut / Tukang Mengambil Darah atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Keutamaan akan diberikan kepada **Lelaki**.
- c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
- d) Mempunyai pengetahuan Am dalam Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PASUKAN / PERCUBAAN:

1. Calon yang dilantik akan ditempatkan bertugas dibahagian-bahagian dan unit-unit dalam Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, termasuk di Pejabat Kesihatan Daerah.
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Unit atau Pegawai yang lebih kanan.
3. Menjalankan tugas-tugas bantuan teknikal dalam aspek-aspek Kesihatan Awam dan Kesihatan Alam Sekitar di Bahagian:
 - i. Kesihatan Alam Sekitar
 - ii. Kawalan Penyakit
 - iii. Keselamatan dan Kualiti Makanan
 - iv. Kesihatan Cara Kerja
4. Mengetuai dan mengawasi satu pasukan kakitangan Pemungut Serangga, Tukang Pancut dan Tukang Mengambil Darah.
5. Membawa pekerja-pekerja bawahan ke tempat-tempat pemantauan dan pengawalan seperti yang diarahkan.
6. Bersedia bertugas pada bila-bila masa diperlukan, termasuk selepas waktu pejabat dan pada hari kelepasan awam, dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
7. Bersedia bertugas secara berkhemah dan bermalam di kampong-kampong pendalaman untuk membantu membuat pemantauan dan kajian jabatan.
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai lebih kanan dari semasa ke semasa.